



GO<sup>TM</sup>  
direct  
by Takaful IKHLAS

# Brosur *Direct* Hospital Income Benefit



KAMI MELINDUNGI ANDA

Mengurangkan beban kewangan sekiranya  
dimasukkan ke hospital.

Ahli :



Diuruskan oleh : Takaful Ikhlas Family Berhad  
(200201025412) (593075-U)

Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya.  
Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# Direct Hospital Income Benefit

## Mengurangkan beban kewangan sekiranya dimasukkan ke hospital

Hidup ini tidak dapat dijangka, dan kemasukan ke hospital secara tiba-tiba boleh membawa tidak hanya cabaran fizikal, tetapi juga bebanan kewangan. Disebabkan itu kami telah mengeluarkan penyelesaian yang terbaik dengan memberikan ketenangan kepada anda sepanjang masa yang mencabar ini dengan *Direct Hospital Income Benefit*.

### Mengapa anda perlukan produk ini ?

Produk ini boleh menampung perbelanjaan harian selepas anda dimasukkan ke hospital.



Jika anda bekerja sendiri, produk ini sesuai sebagai pengganti pendapatan apabila anda dimasukkan ke hospital.



Dengan sumbangan serendah RM7.15/sebulan\*, ini adalah pilihan ideal bagi mereka yang mencari perlindungan



Ini adalah produk yang mudah difahami dan tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan, hanya soalan kesihatan yang ringkas



Nota :

\*untuk bayaran tahunan dengan Amaun Perlindungan RM50.

# Ringkasan Produk dan Manfaat



Produk ini menyediakan manfaat pendapatan harian hospital jika orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital.

Adakah saya layak untuk menyertai ?



Layak untuk :  
Individu dewasa sahaja.



Umur orang yang dilindungi:  
17 - 55 tahun\*

## Manfaat Produk

Tempoh  
Perlindungan

Tempoh minima :  
**5 Tahun**

Tempoh maksima :  
**Maksimum 30 tahun**  
dengan had umur 65 tahun.

Amaun  
Perlindungan

Manfaat pendapatan hospital harian dari:  
**RM 50 sehingga RM 500 sehari.**

(Tertakluk kepada pendapatan bulanan orang yang dilindungi.)

Perlindungan

Manfaat pendapatan hospital untuk sebab semula jadi & kemalangan.

Sekiranya orang yang dilindungi dirawat di hospital atas cadangan dan kelulusan seorang doktor atau pakar bedah yang sah, manfaat harian hospital sebagaimana yang ditetapkan dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful akan dibayar untuk tempoh kemasukan ke hospital minimum enam (6) jam berturut-turut (tidak termasuk rawatan Penjagaan Harian) di mana hospital mengenakan caj bilik dan penginapan harian.

Jumlah maksimum hari adalah:

- i. 180 hari setahun untuk kemasukan ke hospital.
- ii. 365 hari secara agregat dari kemasukan ke hospital. Had agregat ini diguna pakai sepanjang tempoh Sijil Takaful dan selepas itu perlindungan produk ini akan ditamatkan.

Bayaran manfaat Takaful adalah dijamin dan akan dibayar daripada Dana Risiko.

Nota :

\*Umur Harijadi Akan Datang

*Direct Hospital Income Benefit*

# Sumbangan, Yuran & Caj

Berapakah jumlah sumbangan takaful saya ?

Manfaat Pendapatan Hospital (RM sehari)	Sumbangan Tahunan* (RM setahun)
50	85.80
100	171.60
150	257.40
200	343.20
250	429.00
300	514.80
350	600.60
400	686.40
450	772.20
500	858.00



Nota:

\*Mod pembayaran boleh bulanan atau tahunan.

Berapakah jumlah yuran dan caj yang dikenakan untuk produk ini ?

a. Yuran Wakalah

	Semasa Tempoh Sijil
% Sumbangan Takaful	50%

b. Caj Tabarru'

Caj tabarru' adalah baki sumbangan takaful selepas ditolak yuran wakalah. Amaun tersebut akan dimasukkan ke dana risiko.

Konsep Syariah

Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan ?

**Tabarru'** - merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta takaful ke dalam dana risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama.

**Wakalah** - merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (ujrah) akan dibayar kepada pihak syarikat.

*Direct Hospital Income Benefit*

# Pengecualian Utama



Manfaat pendapatan hospital tidak akan dibayar jika kemasukan ke hospital adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh perkara-perkara berikut:-

- a. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- b. Sebarang keadaan sedia ada; atau
- c. Sebarang perlanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau kesalahan yang ditimbulkan olehnya; atau
- d. Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin; atau
- e. Rawatan penjagaan harian, pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan dan rawatan gigi, perubahan jantina serta eksplorasi atau eksperimen pembedahan; atau
- f. Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak; atau
- g. Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhutan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya; atau
- h. Produk ini tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam tempoh menunggu kecuali disebabkan oleh kemalangan. Sebarang kemasukan ke hospital luar Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah produk ini.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

## Bagaimana saya boleh menyertai produk ini ?

Langganan yang mudah, tanpa kesulitan, dan cepat melalui platform atas talian kami.



atau

layari  
[www.takaful-ikhlash.com.my](http://www.takaful-ikhlash.com.my)

# Nota Penting



1. Brosur ini adalah sebagai maklumat umum sahaja. Ini bukan kontrak takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Sila rujuk Helaian Keterangan Produk (PDS) dan sijil takaful untuk maklumat lanjut, yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan.
2. Takaful IKHLAS berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan, yuran-yuran dan caj-caj, manfaat, terma dan syarat. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai semakan melalui notis tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun sijil takaful anda.
3. Anda perlu memastikan bahawa produk yang dipilih memenuhi keperluan anda dan sumbangan takaful yang dibayar dibawah pelan ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
4. Anda diberi tempoh bertenang selama lima belas (15) hari selepas sijil takaful diberikan kepada anda untuk memastikan kesesuaian menyertai pelan ini. Anda boleh membatalkan sijil takaful ini dengan mengembalikan sijil takaful kepada Takaful IKHLAS dalam tempoh bertenang. Takaful IKHLAS akan membatalkan dengan serta merta setelah menerima Sijil Takaful dan memulangkan kepada anda sumbangan takaful setelah ditolak perbelanjaan bagi pemeriksaan perubatan anda (jika ada).
5. Selepas bayaran sumbangan takaful pertama, kegagalan pembayaran sumbangan takaful seterusnya kepada Takaful IKHLAS pada tarikh akhir bayaran atau dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
6. Jika pada tempoh ehsan tamat dan mana-mana sumbangan takaful masih tertunggak, sijil takaful akan luput.
7. Sekiranya sijil takaful luput, penguatkuasaan semula sijil takaful dibenarkan tertakluk kepada terma dan syarat Takaful IKHLAS.
8. Tiada manfaat pendapatan hospital akan dibayar jika kemasukan ke hospital berlaku atau didiagnos dalam tempoh menunggu iaitu tiga puluh (30) hari dari Tarikh Kuat kuasa Sijil Takaful atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian kecuali kecederaan yang berlaku disebabkan oleh kemalangan.
9. Satu ratus dua puluh (120) hari tempoh menunggu adalah terpakai dari Tarikh Kuat kuasa Sijil Takaful atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian untuk kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh Penyakit-penyakit Khusus. "Penyakit-penyakit Khusus" bermakna hilang upaya dan komplikasi yang berkaitan dengannya seperti yang dinyatakan di bawah :
  - i. Darah tinggi, kencing manis atau penyakit kardiovaskular; atau
  - ii. Apa-apa pertumbuhan termasuklah tumor, kanser, sista, nodul, polyps; atau
  - iii. Batu-batu dari sistem kencing dan sistem biliar; atau
  - iv. Apa-apa penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) atau keadaan tekak; atau
  - v. Hernia, buasir, fistulae, hidrosel atau varikosele; atau
  - vi. Apa-apa penyakit berkaitan sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau
  - vii. Mana-mana gangguan tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) atau sebarang keadaan lutut.
10. Sijil Takaful ini tidak menyediakan sebarang amaun manfaat daripada dana risiko seandainya berlaku pembatalan, kematangan, penyerahan atau tamat tempoh sijil takaful.
11. Jumlah yang akan dikecualikan daripada cukai pendapatan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk sumbangan takaful adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
12. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak tuntutan anda sekiranya anda gagal mendedahkan maklumat yang berkaitan yang dianggap sebagai penting yang akan mempengaruhi keputusan Takaful IKHLAS untuk menerima atau menolak risiko dan kadar serta terma sumbangan takaful yang akan dikenakan kepada anda.
13. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku panduan info insurans mengenai 'Takaful Keluarga' dengan melayari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).



Sekiranya anda memerlukan  
maklumat tambahan,  
sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Family Berhad  
IKHLAS Point, Tower 11A,  
Avenue 5, Bangsar South  
No. 8 Jalan Kerinchi,  
59200 Kuala Lumpur



[www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Tel.: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

E-mel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

